

Penduduk Kg Merabau, KB nikmati air bersih

DE 11.2.2014 2

Shereli Ann Jeffrey

KOTA KINABALU: Kira-kira 600 penduduk Kg Merabau di Kota Belud kini boleh menikmati bekalan air bersih, hasil usaha bersama oleh sekumpulan ahli akademik dan kakitangan sokongan dari Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Institut Latihan Kota Kinabalu di sini.

Kumpulan itu terdiri daripada 80 ahli akademik dan kakitangan sokongan menguji kemahiran sains dan teknologi mereka dengan membina satu sistem rawatan air mikro melalui program khidmat masyarakat mereka yang bermula awal bulan ini.

Antara aktiviti utama adalah untuk membina sistem rawatan air mikro untuk masjid yang mana akan memberi manfaat kepada penduduk kampung.

Konsep itu yang menggunakan teknik rawatan air komersil diubahsuai ke saiz mikro untuk disesuaikan dengan kapasiti keperluan kampung itu.



"Kami berharap idea inovatif ini akan memberi manfaat dan memberikan impak positif kepada masyarakat terutamanya mereka yang tidak mempunyai bekalan air bersih," kata Pengarah program Prof. Madya Dr. Baba Musta selepas merasmikan acara itu, Ahad lepas.

Katanya pengetahuan sains dan teknologi boleh digunakan melalui program seperti itu yang mana memberi manfaat kepada rakyat.

**SISTEM
rawatan
air mikro
yang
dibina
oleh ahli
akademik
dan
penduduk
Kg
Merabau.**